



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

SOALAN LAZIM

FAQ PENGECUALIAN KOMPAUN ATAS KELEWATAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN DI BAWAH AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956 DALAM TEMPOH PKP

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana cara untuk saya membuat permohonan dengan SSM seperti pendaftaran perniagaan, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan, penamatan perniagaan berdaftar dan juga pembaharuan pendaftaran perniagaan semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?	Kesemua transaksi SSM seperti pendaftaran perniagaan, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan, penamatan perniagaan berdaftar dan pembaharuan pendaftaran perniagaan boleh dilakukan secara atas talian di portal ezbiz.ssm.com.my . Semua pemilik perniagaan perlu mendaftar terlebih dahulu sebagai pengguna portal Ezbiz Online dan mengaktifkan ID mereka sebelum boleh melakukan transaksi secara atas talian.
2.	Bagaimanakah cara untuk saya mengaktifkan ID sebagai pengguna portal Ezbiz Online dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?	<p>(a) Pelanggan perlu mendaftar sebagai pengguna portal Ezbiz Online di ezbiz.ssm.com.my;</p> <p>(b) Pelanggan boleh membuat pengaktifan akaun dengan hadir ke pejabat SSM berhampiran; ATAU</p> <p>(c) Pelanggan boleh memajukan email permohonan pengaktifan ID pengguna dengan melampirkan dokumen wajib kepada ezbizactivation@ssm.com.my. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti berikut:</p> <p>(i) Kad Pengenalan depan dan belakang;</p> <p>(ii) Gambar pemohon bersama kad pengenalan yang dipegang di paras leher. Pastikan gambar mempunyai resolusi tinggi agar perincian di kad pengenalan adalah jelas. Pemohon adalah dinasihatkan mengambil</p>

		<p>gambar berlatarbelakangkan dinding kosong;</p> <p>(iii) contoh gambar: dan</p> <p>(iv) Lain-lain dokumen rasmi seperti lesen memandu / passport / sijil lahir / sijil nikah / apa-apa bil atas nama sendiri / lain-lain dokumen rasmi yang dirasakan sesuai,</p> <p>(d) Pelanggan akan menerima emel bahawa pengaktifan ID Ezbiz telah berjaya dan pelanggan boleh meneruskan transaksi yang dikehendaki di Ezbiz online.</p> <p>Nota: Tatacara ini hanya terpakai ketika tempoh PKP ini sahaja atau sehingga diberitahu kelak. Selepas berakhir tempoh ini, pemilik perniagaan perlu hadir ke kaunter SSM yang berdekatan untuk pengaktifan ID ini.</p>
3.	Saya pernah mendaftar sebagai pengguna portal Ezbiz Online namun telah terlupa berkaitan <i>password</i> saya. Bagaimana saya boleh mendapatkan <i>password</i> yang baharu?	Sila klik <i>forgot password</i> untuk mendapatkan <i>password</i> yang baharu.
4.	Bagaimana cara untuk saya menukar emel yang telah didaftarkan di portal Ezbiz Online?	<p>Pelanggan perlu memajukan email permohonan pertukaran emel dengan melampirkan dokumen wajib kepada enquiryrob@ssm.com.my. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti berikut:</p> <p>(i) Kad Pengenalan depan dan belakang;</p> <p>(ii) Gambar pemohon bersama kad pengenalan yang dipegang di paras leher. Pastikan gambar mempunyai resolusi tinggi agar perincian di kad pengenalan adalah jelas. Pemohon adalah dinasihatkan mengambil gambar berlatarbelakangkan dinding kosong;</p>

		<p>dan</p> <p>(iii) Lain-lain dokumen rasmi seperti lesen memandu / passport / sijil lahir / sijil nikah / apa-apa bil atas nama sendiri / lain-lain dokumen rasmi yang dirasakan sesuai;</p> <p>Nota: Tatacara ini hanya terpakai ketika tempoh PKP ini sahaja atau sehingga diberitahu kelak. Selepas berakhir tempoh ini, pemilik perniagaan perlu hadir ke kaunter SSM untuk membuat pertukaran emel.</p>
5.	Perakuan pendaftaran saya telah luput pada 20 Mac 2020 sedangkan pada waktu tersebut adalah dalam tempoh PKP, adakah saya boleh dikecualikan daripada dikenakan kompaun lewat memperbaharui perniagaan?	Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan akan diberikan kepada perniagaan yang tamat tempoh mulai 17 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.
6.	Perakuan pendaftaran saya telah luput pada 16 Mac 2020 sedangkan pada waktu tersebut adalah sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, adakah saya boleh dikecualikan daripada dikenakan kompaun lewat memperbaharui perniagaan?	<p>Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan hanya akan diberikan kepada perniagaan yang tamat tempoh mulai 17 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.</p> <p>Walau bagaimanapun, pemilik perniagaan masih boleh membuat rayuan pengurangan kompaun tertakluk kepada keputusan SSM.</p>
7.	Jika perakuan pendaftaran saya telah luput pada 22 Mac 2019 dan saya telah datang ke Pejabat SSM selepas tempoh PKP berakhir untuk memperbaharui perniagaan, bolehkah saya berbuat demikian? (ini kerana 22 Mac 2020 masih lagi di dalam tempoh PKP dan perniagaan tersebut telah luput melebihi setahun dari tarikh luput perniagaan terdahulu).	Perakuan pendaftaran yang telah luput melebihi setahun tidak lagi boleh diperbaharui. Pemilik perniagaan boleh mendaftar perniagaan yang baharu menggunakan nama perniagaan yang lama (carian nama akan dilakukan terlebih dahulu. Jika nama perniagaan tersebut belum digunapakai lagi, nama perniagaan tersebut boleh digunakan). Namun demikian, nombor pendaftaran yang baharu akan diberikan. Dalam masa yang sama pemilik perniagaan boleh membeli surat pengesahan pendaftaran perniagaan (surat <i>re-register</i>) dengan bayaran RM10.00 sebagai dokumen sokongan untuk

		diberikan kepada agensi yang berkenaan (jika perlu). Surat pengesahan pendaftaran perniagaan (surat <i>re-register</i>) ini hanya boleh dibeli di kaunter SSM sahaja.
8.	Sekiranya berlaku pendaftaran perniagaan, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan atau penamatan perniagaan berdaftar dijalankan dalam tempoh PKP, adakah kesalahan lewat mendaftarkan pendaftaran, perubahan atau penamatan perniagaan dibatalkan?	SSM mencadangkan tarikh pendaftaran perniagaan, pendaftaran perubahan maklumat perniagaan atau penamatan perniagaan didaftarkan mengikut tarikh semasa berikutan SSM tidak beroperasi semasa PKP. Sekiranya pemilik perniagaan ingin menetapkan tarikh tersebut semasa PKP bagi pendaftaran, perubahan dan penamatan perniagaan, kompaun akan dikenakan mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh SSM.
9.	Sekiranya pihak ketiga (agensi lain seperti CIDB, PBT dan lain-lain) dalam memperbaharui permit/lesen bergantung kepada perakuan pendaftaran SSM dan perakuan pendaftaran tersebut telah luput melebihi setahun, apakah tindakan yang boleh diambil oleh pemilik yang terkesan.	SSM mencadangkan sekiranya sijil SSM tersebut telah luput melebihi setahun, pemilik perniagaan boleh mendaftar perniagaan yang baharu menggunakan nama perniagaan yang lama (carian nama akan dilakukan terlebih dahulu. Jika nama perniagaan tersebut tidak digunapakai, nama perniagaan tersebut boleh digunakan). Namun demikian nombor pendaftaran yang baharu akan diberikan. Dalam masa yang sama pemilik perniagaan boleh membeli surat pengesahan pendaftaran perniagaan (surat <i>re-register</i>) dengan bayaran RM10.00 sebagai dokumen sokongan untuk diberikan kepada agensi yang berkenaan (jika perlu). Surat pengesahan pendaftaran perniagaan (surat <i>re-register</i>) ini hanya boleh dibeli di kaunter SSM sahaja.
10.	Saya telah membuat pendaftaran perniagaan pada 16 Mac 2020 (sebelum PKP) dan telah diluluskan pada hari yang sama namun saya tidak sempat untuk memuat turun sijil dan maklumat perniagaan saya dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan. Adakah saya layak untuk mendapatkan semula sijil dan maklumat perniagaan tersebut?	Ya, anda layak untuk mendapatkan sijil dan maklumat perniagaan tersebut secara percuma. Sila emel kepada enquiryrob@ssm.com.my atau hadir ke mana-mana pejabat SSM yang berdekatan untuk mendapatkan sijil dan maklumat perniagaan tersebut. Sila berbuat demikian sebelum atau pada 30 Jun 2020. Selepas dari tarikh tersebut anda boleh membeli sijil dan maklumat

	.	perniagaan di portal e-info atau Mydata SSM.
11.	Perakuan Pendaftaran saya telah luput pada bulan Februari yang lepas dan baharu hari ini (dalam tempoh PKP) saya perasan yang perniagaan saya telah luput. Adakah jika saya hadir selepas PKP ini berakhir, kompaun yang dikenakan kepada saya boleh dikurangkan?	<p>Pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan hanya akan diberikan kepada perniagaan yang tamat tempoh mulai 17 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020.</p> <p>Walau bagaimanapun, pemilik perniagaan masih boleh membuat rayuan pengurangan kompaun tertakluk kepada keputusan SSM.</p>
12.	Adakah saya perlu memohon dengan SSM untuk mendapatkan pengecualian kompaun ini?	Tidak. Sistem telah dikemaskini secara automatik bagi mengelakkan pemilik perniagaan dikenakan kompaun.
13.	Perniagaan saya telah luput pada 18 Mac 2020 dan saya telah membuat pembaharuan perniagaan pada 01 Mei 2020. Saya telah dikenakan kompaun di atas kelewatan memperbaharui perniagaan tersebut dan kompaun tersebut juga telah dibayar. Adakah saya boleh membuat tuntutan wang (refund) bagi bayaran kompaun yang telah dilakukan?	Ya. Pemilik perniagaan boleh menuntut wang (refund) bagi bayaran kompaun yang telah dilakukan. Sila layari https://www.ssm.com.my/Pages/Refund/Refund.aspx untuk maklumat lanjut.
14.	Sekiranya terdapat di antara rakan kongsi yang mempunyai perjanjian perniagaan dan ia juga merangkumi pembaharuan perniagaan dan perniagaan tersebut tidak dapat diperbaharui dalam tempoh PKP ini, maka perjanjian tersebut juga akan terbatal. Siapakah yang akan bertanggungjawab terhadap pembatalan perjanjian tersebut?	SSM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang masalah dalaman/masalah kewangan yang wujud disebabkan oleh perkara ini sebaliknya menasihatkan pemilik perniagaan/orang yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan sivil.
15.	Bagaimana saya menamatkan perniagaan saya dalam tempoh PKP ini? Sekiranya perniagaan saya telah luput, boleh atau tidak saya ingin menutup perniagaan saya.	Penamatan perniagaan berdaftar boleh dilakukan melalui secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my . Kesemua pemilik perniagaan perlu terlebih dahulu mendaftar sebagai pengguna portal ezbiz. Sila lampirkan sijil Perakuan Pendaftaran/Pembaharuan Pendaftaran yang terkini (Borang D atau Borang E) semasa permohonan dibuat di portal ezbiz tersebut. Tiada bayaran dikenakan untuk menamatkan perniagaan

		<p>sebaliknya bayaran RM10.00 dikenakan sekiranya ingin membeli maklumat perniagaan (jika perlu).</p> <p>Setelah permohonan diluluskan, status penamatan perniagaan akan kekal di dalam sistem SSM. Maklumat perniagaan akan menunjukkan perniagaan tersebut telah ditamatkan.</p> <p>Nota: Borang Pemberitahuan Penamatan Perniagaan Berdaftar (Borang C) tidak perlu dimajukan bagi perniagaan yang telah luput tempoh pendaftarannya. SSM mencadangkan untuk pemilik perniagaan membeli Surat Pengesahan Penamatan (sekiranya perlu) melalui portal e-Info www.ssm-einfo.my atau portal Mydata www.mydata-ssm.com.my dengan bayaran RM15.30 (termasuk kos SST) sebagai bukti perniagaan ini tidak lagi beroperasi.</p>
16.	Apakah perkhidmatan yang ditawarkan oleh SSM di kaunter selepas tamat tempoh PKP?	<p>Bagi keselesaan para pelanggan dan mengurangkan risiko jangkitan wabak Covid19. Pelanggan perlu membuat temujanji (https://www.ssm.com.my/Pages/Borang-Temujanji.aspx) untuk hadir ke pejabat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter Pendaftaran Perniagaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengaktifan ID Ezbiz; (b) Pendaftaran Perniagaan OKU/Warga emas; (c) Pertukaran Pemilikan Perniagaan; (d) Surat Pengesahan Perniagaan; (e) Surat Pengesahan Pemilikan Perniagaan (<i>Personal Involvement</i>); (f) Urusan Berkaitan Arahan Mahkamah; <p>Waktu operasi kaunter : 8.15 pagi hingga 4.15 petang. Urusan/transaksi yang boleh dilaksanakan secara atas talian TIDAK AKAN ditawarkan di kaunter.</p>

